

GAZA



SHAYKH. DR. ṬAHA JĀBIR AL-‘ALWĀNĪ

Diterjemahkan Oleh:
MOHAMMAD SYAFIQ ISMAIL



Terbit edisi e-buku, Ogos 2022
© Angkatan Belia Islam Malaysia

Sumber Asal: *Ghazzah*
Pengarang: Shaykh. Dr. Ṭaha Jābir Al-ʿAlwānī
Penterjemah: Mohammad Syafiq Ismail
Penyunting dan Transliterasi: Mohd Khairul Anwar Ismail
Reka Bentuk Kulit: Ahmad Aiman
Reka Letak Huruf: Muhammad Fateh



ABIM PRESS PLT (LLP0012799-LGN)
No. 6, Jalan TC 2A/2,
Taman Cemerlang
53100 Kuala Lumpur
MALAYSIA

No. Telefon (P): +603-4108 4500
No. Telefon (HP/Whatsapp): +60133916299
No.Faks: +603-4108 2400
Emel: abimpressmy@gmail.com
Laman Sesawang: www.abimpress.com
FB: www.facebook.com/abimpressmy

Koleksi E-Buku ABIM PRESS boleh diakses dan dimuatturun
secara percuma di pautan berikut:
<https://tinyurl.com/KoleksiEbukuABIMPRESS>

Atau boleh juga ikuti perkembangan E-buku terkini di
halaman FB Abim Press:



MUQADDIMAH PENTERJEMAH



Atas nama Yang Kasih, daku menulis.

Selawat dan salam, buat kekasih.

Gita puji sesempurnanya bagi Allāh, selama-lamanya, atas kurnia-Nya dan izin-Nya, sesuai ketetapan-Nya yang tersurat, kita selesai melaksanakan khidmat terjemahan ‘*Gaza*’ karya Shaykh Dr. Ṭaha Jābir al-‘Alwānī *rahimahullāh*,¹ seorang pemikir Islam, uṣūlī dan ‘ālim berjiwa haraki yang baru saja meninggalkan kita tahun 2016 yang lalu.

Beliau merupakan salah seorang tokoh nadir yang dilahirkan umat ini: kepakarannya dalam ilmu Usul Fiqh dan Fiqh secara umumnya sepertimana yang layak sebagai pemegang Ph.D Fiqh Universiti al-Azhar telah

1 Karya asal dalam bahasa Arab boleh dibaca di pautan ini: <https://Alwānī.org/?p=4116> (Akses terakhir: 20.8.2022)

mendorongnya untuk mencetuskan pelbagai idea kefiqhiyan yang baharu dalam umat. Antaranya ialah berkenaan *Fiqh al-Ikhtilāf* (Fiqh Mengurus Perbezaan pendapat), *Fiqh al-Aqalliyāt* (Fiqh Minoriti Muslim), dan *Tajdīd* (pembaharuan) dalam pemikiran Islam. Beliau bergiat aktif dalam IIT, di samping tugas-tugas akademik lain di pelbagai universiti.



(Gambar Shaykh Dr. Ṭaha Jābir al-ʿAlwānī
rahimabullāh)

ABIM sendiri sebagai sebuah gerakan dakwah di Malaysia memiliki pendekatan dakwah yang mirip dengan Shaykh Dr. Ṭaha Jābir al-ʿAlwānī. Justeru hubungan yang rapat telah terjalin sekian lama antara ABIM dan Shaykh, di mana idea-

idea Shaykh diangkat dalam usrah-usrah, dalam konferens-konferens dan seminar yang dianjurkan ABIM. ABIM mendapat kepercayaan dan izin penuh daripada Shaykh sendiri untuk menerbitkan terjemahan bagi karya-karya beliau.

Di dalam karya yang ringkas ini, pembaca akan dibawa untuk terkejut dan membuka mata menyaksikan bagaimana Gaza sejak sekian lama menjadi korban keganasan rejim zionis aparteid israel dan menjadi semacam bahan peras ugut untuk mana-mana pihak yang berusaha melawan rejim ini. Hal yang sebenarnya berlarutan hingga ke hari ini, lebih 6 tahun selepas kepergian Shaykh Ṭaha Jābir dan teguran ini disampaikan, di mana Gaza menjadi *open-air prison* atau penjara terbuka yang pertama dalam sejarah dunia atas pakatan Mesir dan rejim ini. Hal ini sewajarnya kita insafi bersama dan caknakan, tanpa mengurangi keprihatinan kepada al-Quds dan bahagian-bahagian tanah Palestin yang lainnya.

Terima kasih kita ucapkan buat pihak ABIM PRESS dan GLOBAL PEACE MISSION atas kesudian menerbitkan dan menyebarkannya secara gratis nan online. Tiada hakcipta yang kita tuntutan di balik terbitan ini, ia bebas diulangcetak dan disebar oleh sesiapa saja, dan digunakan dalam kajian-kajian.

Sesungguhnya tiada apa yang kita miliki melainkan kesalahan dan kesilapan. Sementara seluruh kebaikan itu hanyalah milik Allāh. Sekiranya terdapat sebarang

kekurangan dan kesilapan dalam terjemahan ini, mohon segera dimaklumkan agar segera diperbetulkan, kerana tiada kitab yang sempurna melainkan al-Qur'ān.

Allāh Maha Mengetahui.

Syafiq atTauhidi (Mohammad Syafiq Ismail)

22 Muharram 1444H / 20 Ogos 2022M

Maktabah atTauhidi, negeri Sabah alMahmiyah billah.

GAZA

Oleh:

Shaykh. Dr. Ṭaha Jābir al-‘Alwānī



Gaza merupakan cita-cita terutama israel semenjak ia berada di bawah pemerintahan Mesir sesudah tanah-tanah Palestin dirampas, rakyat Palestin dipecahbelahkan, dan kerajaan Palestin dicerai-beraikan melalui kerjasama Britain dan zionis. Gaza merupakan pusat strategik yang amat penting buat Mesir yang bersambung dengan (semenanjung) Sinai sejak zaman Firaun dulukala, di mana ia dilihat sebagai sebuah ruang yang hidup yang tidak boleh diabaikan mahupun dilupakan. Mesir dan Syam (*Levant*) keduanya berdepan dengan pelbagai ujian dan marabahaya kerana ia menjadi tumpuan musuh, maka Gaza inilah yang menjadi benteng penghalang, pelindung manusiawi dan ketamadunan di perbatasan Mesir.



(Peta Palestin yang menjelaskan kedudukan Gaza dan negeri-negeri jiran)

israel berusaha dari siang ke malam untuk memperdaya bangsa Arab, memaksa mereka untuk menentang Gaza dan mengeluarkannya daripada ruang lingkup strategik bagi Arab, bahkan menjadikannya (Gaza itu) sebagai beban buat mereka (bangsa Arab), maka israelpun mengambil peluang yang muncul depan mata.

Kebodohan tentang strategi, kawasan-kawasan strategik, dan (kebodohan) tentang apa yang difikirkan dan disusun oleh musuh menjadikan sebahagian Arab ini menerima idea-idea yang mengasingkan Gaza daripada negara-negara (Mesir & Syam) yang di mana Gaza ini masihlah menjadi pusat strategiknya yang tidak akan ada galang gantinya.

israel dan pihak yang bersekongkol dengannya mendapat peluang apabila melihat sebahagian islamis (pejuang politik Islam) melompat untuk mencapai tampuk pemerintahan dan bergaduh untuknya. Mereka (israel) mendapati wujudnya sebuah pergelutan di dalam sebuah negara (Palestin) yang unik pada bentuk dan isinya pada usaha mereka untuk memecahbelahkan rakyat dan membahagi-bahagikan kemahuannya

Pihak penguasa (israel) menyahut seruan beberapa pihak yang ingin naik ke pemerintahan, dan pihak-pihak ini menilainya (memerintah Palestin) sebagai tujuan terakhir mereka. Penguasa Palestin dalam rencana untuk mendirikan sebuah ‘negara Palestin,’ dan tak terlintas sekalipun dalam fikiran para perompak tanah Arab ini untuk menentang zionis dan mengambil semula tanah yang pernah dianggap mereka sebagai tanah kembali (zion). Natijahnya, israel terpaksa memikul beban melindungi perbatasannya, warganya, dan sumber-sumbernya daripada generasi-generasi muda Palestin dan generasi-generasi jihad – yang berusaha melawan pihak penguasa yang tak memiliki satu apapun melainkan hanya nama sahaja – ia merupakan satu fakta yang makin lama makin terserlah bahawa ia hanyalah

semata-mata slogan tanpa nilai. Ia (slogan dan nama) ini tidaklah dikemukakan melainkan untuk menyibukkan pihak-pihak yang mencari nama, yang begitu cepat melupakan pengajaran daripada Andalus yang satu masa dulu dipenuhi juga dengan nama-nama dan gelaran ini.

أَلْقَابُ مَمْلَكَةٍ فِي غَيْرِ مَوْضِعِهَا ***

كَأَلْهِرٍ يَحْكِي انْتِفَاحًا صَوْلَةَ الْأَسَدِ

(Nama dan gelaran kerajaan yang tak tertubuh pada tempatnya *** umpama seekor kucing yang kembang, mengaku-aku berkuasa umpama singa!)²

Mereka bergelumang dengan pergelutan kuasa ini. Orang Fatah dan Hamas saling berselisih, dan urusan (Palestin) pun dipergaduhkan mereka serta setiap kelompok berbangga dengan pendapat mereka. Sebahagian mereka berlaga dengan sebahagian yang lain, mereka saling membongkar rahsia.

2 Kata-kata Ibn ‘Ammar, seorang penyair Andalus yang pergi meninggalkan Andalus pada zaman *al-Mulūk wa al-Ṭawā’if* (juga dikenali zaman *Ṭa’ifa*), kerana beliau merasa jengkel dengan pemimpin-pemimpin Andalus yang bermegah-megah dengan gelarannya seperti *al-Mu’tadhid billāh* (terj. Orang yang berpaut kepada Allāh), *Al-Mutawakkil ‘alĀllāh* (terj. Orang yang bertawakal kepada Allāh) dan seumpama ini. Zaman ini diakhiri dengan penjajahan penuh pemerintah Sepanyol atas tanah Muslimin di Andalus. *Innā lillāh wa innā ilayhi rāji‘ūn*.



(Ilustrasi penyerahan kunci Alhambra kepada pemerintah kristian yang menandakan kejatuhan Andalus)

Setiap kali israel merasakan yang tujuan khusus penubuhan penguasa (Palestin) ini telah melebihi hadnya, mereka akan menoleh ke arah Gaza, melampiaskan marah mereka kepada penduduknya yang terpinggir dan terpisah, yang di mana mereka (penduduk Gaza) ini merupakan penduduk terpadat (di Palestin). Mereka (israel) menghalang bank-bank untuk menyalurkan gaji kepada para pemilik gelaran ini di Ramallah. Mereka (israel) memutuskan bekalan api dan segala keperluan hidup semasa daripada penduduk Gaza. Sekiranya adapun kemahuan untuk melawan, maka yang ada hanyalah kapal terbang tanpa pemandunya, atau kapal terbang dan kereta kebal israel memadai untuk menghancurkan apa yang bersisa. (Dan

juga menghancurkan) apa yang dinamakan ‘rang undang-undang antarabangsa’ yang diambil oleh sebahagian Arab bersama tuhan-tuhan yang mereka sembah selain Allāh – bersama israel, sedangkan ia (israel)-lah yang memilikinya dan menciptanya (rang undang-undang itu), ia-lah yang menentukan siapakah yang berhak diiktiraf dalam rang undang-undang itu, dan siapa yang dikecualikan.

Sangkaan bangsa Arab yang kononnya mana-manapun negaranya boleh selamat daripada kejahatan israel merupakan sangkaan yang rosak, dan sangkaan yang telahpun dibuktikan oleh pelbagai peristiwa bahawa ia tak bersandar kepada realiti. Bersolidariti bersama kebenaran, bersama keadilan, bersama melindungi masa depan anak-anak, kesemuanya merupakan faktor-faktor yang mendorong kepada bersolidariti berdepan apa yang sedang berlaku dan telah berlaku di Gaza, dan mendorong kepada wujudnya sebuah janji pasti bahawa hal ini (pembantaian Gaza) takkan berulang sama sekali.

Ia merupakan pusat strategik bagi Mesir dalam setiap isu dan kepentingannya. Ia merupakan ‘laman belakang’ bagi kerajaan Arab Saudi, Jordan dan Syria. Mengabaikannya dan menyerahkannya begitu saja untuk dimusnahkan merupakan pengabaian kepada semenanjung Tanah Arab secara keseluruhannya, merampas masa depannya, dan pencabulan hak bagi generasi berikutnya anak-anak umat ini, hal ini jelas tanpa perlu pentafsiran lagi.

Kita memohon Allāh *jalla sha'nuhu* pada bulan yang mulia ini untuk membangkitkan umat kita daripada perbaringan orang yang lalai, dan mengurniaknya kesedaran akan masalah kepentingannya, mengurniaknya pengetahuan tentang musuhnya dan kawannya, dan mengurniaknya kasih dan pemuliaan kepada orang yang layak, mengurniaknya pembelaan kepada harga diri dan sumber kekuatannya. Moga-moga saki-baki Arab dan muslimin akan mampu untuk menghentikan luka yang berdarah sejak sekian lama di Iraq, Syam, Lubnan, Palestin, dan tempat-tempat lain. *Innā lillāh wa innā ilayhi rāji'un* (Kita milik Allāh, dan kepada-Nyalah kita kembali).

Alḥamdulillāh, segala puji bagi Allāh, dahulu, kini dan selamanya, atas penyempurnaan terjemahan bagi karya *Gaza* tulisan Shaykh Dr. Ṭaha Jābir al-ʿAlwānī ini, pada malam 22 Muharram 1444H, bersamaan 20.8.2022M, di Maktabah atTauhidi, negeri Sabah alMahmiyah billah, di tangan empunya segala dosa dan kesilapan Syafiq atTauhidi. Semoga Allāh yang baik menerimanya dan mengumumkan manfaatnya kepada seluruh umat.

